

Bantuan SARA: Beri ruang 'bernafas' kepada rakyat marhaen

DALAM menghadapi tekanan kos sara hidup yang semakin tinggi, bantuan kewangan seperti Sumbangan Asas Rahmah (SARA) memberi ruang 'bernafas' kepada golongan berpendapatan rendah untuk mengurus keperluan asas keluarga dengan lebih teratur tanpa tekanan berlebihan.

Di NEGERI SEMBILAN, Zainab Baba, 70, seorang warga emas berasa lega kerana mampu menguruskan keperluan sendiri tanpa ber-

gantung kepada anaknya, selain tidak mahu menambah beban mereka dalam menguruskan keperluan keluarga.

"Alhamdulillah, makcik guna untuk beli barangan dapur, tolong tambah barangan yang tidak cukup di rumah. Siapa nak bagi kita RM100 hingga RM150 sebulan? Kalau dikirakan setahun bantuan ini mencecah RM1,650 berbanding tahun lepas RM1,200," katanya ketika ditemui Bernama di Seremban. — Bernama